

2 FEB 1996

KELAB BELL BELIA TAMIL MAHU THAIPUSAM DIISYTIHAR CUTI UMUM

SEREMBAN, 2 Feb (Bernama) -- Majlis Kelab Bell Belia Tamil Malaysia meminta jasa baik Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengisytiharkan Thaipusam sebagai cuti umum di seluruh negara.

Sehubungan itu, anggota Majlis Tertinggi kelab itu M.G. Segaran berkata, beliau telah mengutus surat kepada Dr Mahathir hari ini berhubung perkara itu.

Salinan surat itu diedarkan kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu, katanya kepada Bernama di sini.

Antara lain, beliau memberi alasan bahawa melalui cuti umum itu akan merapatkan lagi perpaduan antara kaum di negara ini.

Pada masa ini hanya negeri Selangor, Perak, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Johor mengisytiharkan Thaipusam sebagai cuti umum. -- BERNAMA